

Pengetahuan, Amalan dan Kekangan Guru Prasekolah terhadap Pelaksanaan Pembelajaran Aktif di Tadika Swasta (*Preschool Teachers' Knowledge, Practice and Challenges towards the Implementation of Active Learning in Private Preschool*)

See Jia Qi¹, Suziyani Mohamed¹

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia

*Pengarang Koresponden: suziyani@ukm.edu.my

Received: 25 December 2023 | Accepted: 15 January 2024 | Published: 1 March 2024

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpd.2024.6.1.21>

Abstrak: Dalam PPPM 2013- 2025, Kementerian Pendidikan Malaysia telah merealisasikan pembelajaran aktif sebagai salah satu pendekatan yang bersesuaian dengan Pembelajaran Abad ke-21 (PAK21) dalam sistem pendidikan. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpastikan tahap pengetahuan dan amalan guru prasekolah terhadap pelaksanaan pembelajaran aktif. Begitu juga, kajian ini bermatlamat untuk memberikan gambaran yang jelas terhadap kekangan-kekangan yang menyebabkan guru prasekolah tidak berkemampuan untuk melaksanakan aktiviti pembelajaran aktif dalam proses PdP. Sementara itu, hubungan antara tahap pengetahuan dengan amalan guru prasekolah terhadap pelaksanaan pendekatan ini juga akan dikaji. Reka bentuk kajian kuantitatif bersifat tinjauan telah diguna pakai bagi mencapai ketiga-tiga objektif kajian ini. Sampel kajian ini adalah terdiri daripada 297 orang guru prasekolah swasta yang berkhidmat di daerah Johor Bahru, Johor. Dalam proses penganalisan data, aplikasi Perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) telah diguna pakai untuk menganalisis data secara deskriptif dan inferensi. Dapatan kajian menunjukkan tahap pengetahuan ($\text{min}=3.16$, $\text{SP}=0.62$) dan amalan ($\text{min}=3.19$, $\text{SP}=0.69$) guru adalah berada pada tahap yang sederhana-tinggi sahaja. Selanjutnya, peruntukan masa dan tahap sokongan pentadbir yang rendah telah dikemukakan oleh guru sebagai kekangan utama semasa merancang pembelajaran aktif ini. Ujian korelasi Pearson telah melaporkan terdapat hubungan yang signifikan ($P<0.001$) antara tahap pengetahuan dengan amalan guru prasekolah swasta terhadap pelaksanaan pembelajaran aktif ($r^2 = 0.52$). Secara keseluruhannya, hasil kajian ini melaporkan corak pengajaran guru prasekolah swasta masih dikekalkan dengan kaedah tradisional. Hasil kajian ini telah memberikan implikasi kepada pihak-pihak berkepentingan dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak (PAKK) supaya mereka memikul tanggungjawab bagi meningkatkan kesediaan guru dari segi pengetahuan dan amalan terhadap pengaplikasian pendekatan ini. Kesediaan guru yang tinggi ini merupakan kunci utama untuk meningkatkan perkembangan holistik kanak-kanak dan menjurus sistem PAKK ke taraf dunia.

Kata Kunci: pembelajaran aktif, guru prasekolah, pengetahuan, amalan, kekangan

Abstract: In Malaysia Education Blueprint 2013-2015, Ministry of Education has realized active learning as the approaches that are compatible with 21st Century Learning for early childhood education (ECE). This study aims to identify the teachers' knowledge and practice level towards the implementation of active learning. Likewise, this study aims to provide a clear picture to identify the constraints that affect teachers to integrate active learning

activities in the classroom setting. Also, the relationship between preschool teachers' knowledge and practice level towards the implementation of this effective approach in private kindergartens will be examined in this study. A quantitative survey design was used to achieve the three research objectives of this study. The sample of this study consists of 297 private preschool teachers who working at kindergarten that located in Johor Bahru, Johor. In data analysis process, Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) was used to analyze the data descriptively and inferentially. The findings of the study show that the level of knowledge (mean=3.16, SD=0.62) and practice (mean=3.19, SD=0.69) of teachers is at a moderate-high level only. Furthermore, the allocation of time and the low level of administrator support were presented as the main challenges that faced by teachers when planning this active learning approach. Pearson's correlation test has reported that there is a significant relationship ($P < 0.001$) between private preschool teachers' knowledge and practice level towards the implementation of active learning ($r^2 = 0.52$). Overall, the results of this study report that private preschool teachers' teaching patterns are still maintained with traditional methods. This study has given implications to the ECE stakeholders for them to shoulder their responsibility to increase the teachers' knowledge and practice level towards this effective approach. The teachers with high readiness level are aims to develop children in a holistic way and hence built a high-quality ECE system.

Keywords: active learning, preschool teacher, knowledge, practice, challenges

1. Pengenalan

Pada abad ke-21 ini, sektor pendidikan prasekolah telah mengalami banyak perubahan bagi meningkatkan kualiti pendidikan awal kanak-kanak (PAKK) ini ke taraf dunia. Menurut Hasanah (2018), peningkatan kualiti pendidikan adalah berkaitan dengan pembaharuan dalam pedagogi pendidikan seperti pendekatan pembelajaran aktif. Menurut Maidin (2022), pembelajaran aktif merupakan satu pendekatan yang melibatkan kanak-kanak secara langsung dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Pendekatan ini dikenali sebagai satu strategi PdP yang dapat menarik perhatian, menggembirakan, kreatif dan bermakna kepada kanak-kanak dalam pencapaian objektif pembelajaran (Hasanah, 2018; Maidin, 2022). Di bawah pendekatan pembelajaran aktif ini, pembelajaran berpusatkan kanak-kanak yang bertujuan untuk memberi peluang dan kebebasan untuk memilih bahan bantu mengajar (BBM) dan meliputi dalam pelbagai jenis aktiviti berpandukan minat mereka (Hamidin et al., 2017). Justeru, Hasanah (2018) mendefinisikan pembelajaran aktif berperanan sebagai kaedah PdP yang penting untuk menggalakkan kanak-kanak prasekolah bertanggungjawab dan berautoriti atas pembelajaran diri sendiri serta dapat mengikuti pembelajaran dengan penuh keyakinan.

Di Malaysia, Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) yang disemak semula pada tahun 2017 ini turut menekankan pelaksanaan pembelajaran aktif bagi kanak-kanak dalam lingkungan umur empat hingga enam tahun sama ada di tadika kerajaan atau swasta (KPM, 2017). KSPK Semakan 2017 ini bertujuan untuk memperkembangkan kanak-kanak secara holistik dari segi fizikal, kognitif, intelektual, bahasa, emosi, sosial dan adaptif (Hasanah, 2018). Oleh itu, dalam proses pembelajaran aktif, guru prasekolah haruslah berperanan sebagai fasilitator, pemudah cara, pembimbing dan perancang yang mampu menghasratkan satu persekitaran pembelajaran yang mengikut kesesuaian dan perkembangan kanak-kanak (Abd Aziz & Mohamed, 2021). Dengan erti kata lain, pembelajaran berpusatkan guru yang hanya bermatlamat untuk menyampaikan pengetahuan seberapa banyak kepada kanak-kanak tidak digalakkan dalam proses pembelajaran aktif.

Berdasarkan KSPK Semakan 2017 lagi, pendekatan pembelajaran aktif merupakan salah satu strategi yang terbaik untuk meningkatkan potensi kanak-kanak ke tahap yang maksimum (KARLIDAG, 2022). Dalam PAKK, terdapat pelbagai strategi pembelajaran aktif yang bersesuaian dengan kepelbagaian kanak-kanak. Sebagai contoh, kaedah main peranan, pembelajaran berbantuan komputer, *brain-storming*, perbincangan kumpulan, lawatan sambil belajar dan lain-lain lagi (Vale & Barbosa, 2023). Bagi memastikan keberkesanan penerapan pembelajaran aktif, tahap kesediaan guru prasekolah dari segi pengetahuan dan amalan haruslah diambil berat (Abd Aziz & Mohamed, 2021). Menurut Masgumelar dan Mustafa (2021), guru prasekolah yang melengkapkan diri dalam penguasaan pengetahuan akan berkeupayaan dalam perancangan strategi pembelajaran aktif yang lebih berkesan. Hal ini kerana guru prasekolah tersebut akan memiliki kompetensi tinggi untuk mengamalkan teknik pembelajaran aktif yang interaktif dan efektif (Towpek & Mohamed, 2023). Sehubungan itu, Masgumelar dan Mustafa (2021) menyatakan kesediaan guru merupakan elemen yang penting untuk membantu kanak-kanak menjerus ke tahap penguasaan yang ditetapkan berpandukan kadar pembelajaran mereka. Begitu juga, tahap kesediaan guru yang tinggi dari segi pengetahuan dan amalan akan menunjukkan keyakinan diri dalam penyelesaian kekangan yang dihadapi semasa melaksanakan aktiviti pembelajaran aktif (Bael et al., 2021). Justeru, kesediaan guru merupakan kunci utama untuk menarik minat kanak-kanak dalam proses pembelajaran serta melahirkan modal insan yang kreatif dan inovatif (Hasanah, 2018).

2. Pernyataan Masalah

Pada era globalisasi ini, pendekatan pembelajaran aktif bukanlah satu perkara yang inovatif dalam dunia pendidikan. Menurut Pardjono (2016), pembelajaran aktif telah dipraktikkan oleh pakar falsafah seperti John Dewey sejak zaman socrates. Pembelajaran aktif ini semakin popular untuk diaplikasikan dalam proses PdP pada peringkat kanak-kanak prasekolah dalam beberapa tahun ini sejak KSPK Semakan 2017 ini dikemukakan (KPM, 2017). Manakala, kajian-kajian tempatan yang berkaitan dengan pembelajaran berpusatkan kanak-kanak hanya berfokus kepada pendekatan belajar melalui bermain, kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT), kaedah penyelesaian masalah dan sebagainya (Holis, 2017; Wan Fatul & Alias, 2020; Kumar & Mohamed, 2022; Ab Jalil & Amran, 2023). Dalam bidang PAKK ini, kajian yang bertujuan untuk mengkaji tentang pendekatan pembelajaran aktif yang masih terhad sama ada di dalam atau di luar negara. Jika terdapat kajian yang berkaitan, topik penyelidikan itu lebih banyak membicarakan tentang perspektif guru prasekolah terhadap pembelajaran aktif (Williams, 2017). Ini jelas menunjukkan bagaimana kekurangan kajian yang bermatlamat untuk mengenalpastikan tahap kesediaan guru, apatah lagi hubungan antara tahap pengetahuan dan amalan mereka dalam pelaksanaan pembelajaran aktif yang amat berkesan ini.

Sehubungan itu, tidak dapat menafikan bahawa masih terdapat kajian yang berkaitan dengan tahap pengetahuan dan amalan guru prasekolah terhadap pelaksanaan pembelajaran aktif. Seperti kajian yang dijalankan oleh Mokhlis (2021) mendapati kebanyakan guru prasekolah yang berkhidmat di Tabika KEMAS memiliki tahap kesediaan yang tinggi dalam pengaplikasian pembelajaran aktif ini berpandukan KSPK. Kajian ini disokong oleh Towpek dan Mohamed (2023) yang mendapati bahawa ramai guru Tabika Perpaduan juga telah menggunakan pembelajaran berpusatkan kanak-kanak sebagai gaya pengajaran. Namun, kajian yang berkaitan dengan tahap pengetahuan dan amalan guru dalam penggunaan pendekatan ini di Tadika Swasta masih terhad. Justeru, pengkaji berpendapat bahawa satu kajian berkaitan dengan mengenalpastikan tahap kesediaan guru swasta terhadap penerapan pembelajaran aktif dari aspek pengetahuan dan sikap perlu dilaksanakan untuk mengisi jurang kajian ini.

Seterusnya, kebanyakan kajian lepas melaporkan “ramai” guru prasekolah beranggapan pembelajaran aktif tidak mudah diaplikasikan kerana mereka berhadapan dengan cabaran dari segi mental dan fizikal serta merendahkan motivasi mereka seperti kajian yang dikaji oleh Resiani et al. (2017). Menurut mereka lagi, peruntukan masa yang terhad dan tahap sokongan kewangan yang rendah dari pihak KPM merupakan cabaran utama yang dihadapi oleh guru prasekolah dalam perancangan aktiviti pembelajaran secara aktif (Resiani et al., 2017). Namun, kajian-kajian lepas seperti ini kebanyakannya menjalankan topik kajian melalui reka bentuk kualitatif yang tidak memerlukan ramai responden. Oleh itu, pengkaji menganggap bahawa pelaksanaan kajian kuantitatif yang melibatkan responden kajian yang besar adalah penting untuk mendapat satu gambaran yang jelas tentang kekangan-kekangan yang dihadapi oleh guru prasekolah yang berkhidmat di tadika swasta.

Secara keseluruhannya, ketiga-tiga jurang kajian dari segi bilangan sumber rujukan, institut pendidikan prasekolah dan reka bentuk kajian menunjukkan kepentingan topik kajian ini. Bagi menjurus pendidikan prasekolah ke arah yang bertaraf dunia, kajian yang bermatlamat untuk mengenal pasti tahap pengetahuan dan amalan guru terhadap pelaksanaan pembelajaran aktif ini akan dilaksanakan. Kajian ini penting untuk menentukan gaya pengajaran guru prasekolah sama ada mereka telah berkeupayaan untuk beralih dari pembelajaran berpusatkan guru ke pembelajaran berpusatkan kanak-kanak. Dalam kajian ini, terdapat tiga objektif kajian telah dibina untuk menyelesaikan masalah-masalah yang dikemukakan seperti yang berikut:

- i Mengenal pasti tahap pengetahuan dan amalan guru prasekolah swasta terhadap pelaksanaan pembelajaran aktif.
- ii Mengenal pasti kekangan yang dihadapi oleh guru prasekolah swasta terhadap pelaksanaan pembelajaran aktif.
- iii Menentukan hubungan antara tahap pengetahuan dengan amalan guru prasekolah swasta terhadap pelaksanaan pembelajaran aktif.

Selain itu, pengkaji juga akan menjalankan pengujian hipotesis nul (H_0) yang bertujuan untuk menjawab objektif kajian (iii).

H_0 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan dengan amalan guru prasekolah terhadap pelaksanaan pembelajaran aktif.

3. Kajian Literatur

3.1 Pengetahuan Guru Prasekolah terhadap Pelaksanaan Pembelajaran Aktif

Menurut Layang dan Mahamod (2019), pengetahuan ditafsirkan sebagai sesuatu bidang ilmu yang dikuasai oleh seseorang untuk membentuk tindakan mereka. Dalam konteks pengajaran, pengetahuan guru dalam dunia pendidikan ini adalah berkaitan dengan pembelajaran berpusatkan kanak-kanak (Layang & Mahamod, 2019). Dalam kajian ini, pengetahuan guru prasekolah adalah meliputi pengetahuan dari segi pedagogi, isi kandungan, bahan bantu mengajar dan persekitaran pembelajaran dalam perancangan pembelajaran aktif. Menurut Sakellariou dan Banou (2020), majoriti guru prasekolah di Greece memiliki tahap pengetahuan yang tinggi dalam perancangan aktiviti pembelajaran aktif. Kajian ini disokong oleh Stein et al. (2019) yang membuktikan ramai guru prasekolah di Estonia mengambil berat dengan pendekatan yang efektif bagi kanak-kanak dalam penerokaan dunia. Manakala, kajian tempatan telah melaporkan dapatan yang berbeza iaitu tahap pengetahuan bagi majoriti guru prasekolah di Selangor hanya berada pada tahap yang sederhana (Leng et al., 2021). Mereka mendapati kebanyakan guru yang tidak berkelayakan dalam bidang PAKK ini merupakan punca utama mereka kurang pengetahuan dengan pembelajaran aktif (Leng et al., 2021).

3.2 Amalan Guru Prasekolah terhadap Pelaksanaan Pembelajaran Aktif

Menurut Low (2022), amalan merupakan tabiat atau tingkah laku yang dipraktikkan oleh seseorang individu dalam rutin seharian. Layang dan Mahamod (2019) menyatakan bahawa amalan guru dalam dunia pendidikan adalah berkaitan dengan tingkah laku guru dalam pelaksanaan strategi PdP berpandukan pengetahuan, kemahiran dan pemahaman mereka dalam bidang tersebut. Dalam konteks kajian ini, amalan merupakan gaya pengajaran yang diguna pakai oleh guru prasekolah untuk membantu kanak-kanak dalam pencapaian hasil pembelajaran. Dalam mempraktikkan gaya pengajaran ini, amalan guru haruslah meliputi penentuan standard pengajaran dan standard pembelajaran, mempertimbangkan kepelbagaian kanak-kanak, penglibatan komuniti dan ibu bapa dan lain-lain lagi (Belda-Medina & Calvo-Ferrer, 2022; Low, 2022). Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Stein et al. (2019), tahap amalan guru di Sweden adalah berada pada tahap sederhana sahaja atas sebab kebanyakan mereka masih menggunakan kaedah tradisional. Begitu juga, hasil dapatan kajian tempatan mendapati bahawa tahap amalan guru hanya berada pada tahap rendah kerana sebanyak 58 (16%) orang daripada 362 orang guru prasekolah masih menggunakan kaedah 'Chalk and Talk' dalam proses PdP (Low, 2022).

3.3 Kekangan Guru Prasekolah terhadap Pelaksanaan Pembelajaran Aktif

KARLIDAG (2022) mentafsirkan istilah "Cabaran" sebagai sesuatu faktor atau gangguan yang dihadapi oleh seseorang individu untuk menguji keupayaannya mereka dalam menguruskannya. Dalam konteks kajian ini, cabaran merupakan halangan yang dihadapi oleh guru semasa merancang aktiviti pembelajaran aktif dalam proses PdP. Berdasarkan Rusdin (2019) nisbah guru dan kanak-kanak yang tinggi dalam sekelas menjadikan guru prasekolah tidak berkemampuan untuk melaksanakan aktiviti pembelajaran aktif yang akan menjadikan kelas dalam keadaan yang tidak terkawal. Dapatan kajian ini bertentangan dengan kajian tempatan yang dilaksanakan oleh Leng et al. (2021) iaitu tahap sokongan ibu bapa yang rendah di negeri Selangor merupakan cabaran utama menghalang guru dalam perancangan aktiviti pembelajaran aktif kerana ibu bapa lebih fokus kepada penggunaan kaedah tradisional bagi pencapaian akademik kanak-kanak. Menurut Rusdin dan Ali (2019) majoriti guru prasekolah berhadapan dengan alat bantu mengajar yang tidak mencukupi dan akan meningkatkan bebanan tugas mereka dalam penyediaan alat-alat tersebut. Bagi memastikan kekangan utama yang dihadapi oleh guru prasekolah swasta, pengkaji telah menyimpulkan beberapa masalah yang sering mempengaruhi mereka seperti yang disertakan dalam Jadual 8.

3.4 Hubungan antara Pengetahuan dengan Amalan Guru terhadap Pelaksanaan Pembelajaran Aktif

Menurut Mulatu dan Bezabih (2018), kesediaan guru dari segi pengetahuan dan amalan memainkan peranan yang penting kerana mereka merupakan wadah utama dalam perancangan pembelajaran aktif yang berkesan ini berpandukan kesesuaian setiap individu. Bagi memastikan amalan guru yang baik dalam pengaplikasian pendekatan ini, peningkatan tahap pengetahuan seseorang guru merupakan salah satu elemen yang harus dipertimbangkan (Layang & Mahamod, 2019). Kajian yang dijalankan oleh Hu et al. (2017) mendapati bahawa terdapat hubungan yang positif antara tahap pengetahuan dengan amalan guru prasekolah di China dalam penerapan pembelajaran aktif. Hasil dapatan selari dengan kajian tempatan yang dijalankan oleh Low (2022) iaitu terdapat perkaitan yang signifikan dan positif antara tahap pengetahuan dan amalan guru dalam perancangan aktiviti berpusatkan kanak-kanak. Low (2022) membuktikan bahawa majoriti guru prasekolah masih tidak mengaplikasikan pembelajaran aktif disebabkan oleh tahap pengetahuan mereka yang hanya berada pada tahap yang sederhana apatah lagi rendah. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa tahap pengetahuan seseorang guru akan mempengaruhi amalan pedagogi yang dipraktikkan oleh mereka.

4. Metodologi

4.1 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian kuantitatif yang bersifat tinjauan telah digunakan untuk mencapai objektif kajian ini. Kaedah kuantitatif adalah satu pendekatan yang mempersembahkan data-data dalam bentuk numerikal dan statistik (Maidin, 2022). Secara khususnya, kajian ini berfokus kepada penggunaan reka bentuk keratan rentas yang bersesuaian untuk melibatkan guru-guru prasekolah yang berbeza pada peringkat umur, tahap pendidikan dan pengalaman mengajar secara sekali sahaja dalam tempoh tertentu (Zin et al., 2019). Dalam kajian ini, kajian berbentuk tinjauan ini bermatlamat untuk mengenal pasti pengetahuan, amalan dan cabaran guru prasekolah terhadap pelaksanaan pembelajaran aktif di tadika swasta.

4.2 Peserta dan Lokasi Kajian

Dalam kajian ini, tadika swasta yang terletak di daerah Johor Bahru, Johor telah dipilih sebagai lokasi kajian. Hal ini kerana kajian tempatan yang berkaitan dengan topik kajian ini jarang dilaksanakan di negeri Johor. Selain itu, pemilihan lokasi kajian ini juga disebabkan oleh daerah Johor Bahru ini memiliki bilangan tadika swasta yang banyak dan sistem pendidikan yang kepelbagaian. Menurut Hua (2016), penentuan saiz sampel kajian berdasarkan jumlah populasi merupakan perkara yang penting dalam proses pemilihan sebilangan responden untuk memastikan data yang dikumpulkan adalah komprehensif. Berdasarkan Sistem Maklumat Prasekolah Kebangsaan (SMPK), terdapat 360 buah prasekolah swasta yang meliputi seramai 1344 orang guru yang berkhidmat di daerah Johor Bahru, Johor. Justeru, kajian ini akan melibatkan seramai 297 orang daripada 1344 orang guru prasekolah swasta di Johor Bahru berpandukan jadual penentuan saiz sampel yang ditetapkan oleh Krejic dan Morgan (1970). Bagi memastikan setiap guru mempunyai peluang yang sama untuk mengikut kajian ini, teknik persampelan secara rawak mudah telah diguna pakai oleh pengkaji dalam pemilihan responden.

4.3 Instrumen Kajian

Dalam proses pengumpulan data, soal selidik yang dibina melalui 'Google Form' telah digunakan sebagai instrumen kajian ini. Pembinaan dan pengubahsuaian soal selidik ini adalah merujuk kepada kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan topik "Belajar Melalui Bermain" dijalankan oleh Singh Pali (2018) dan Adane (2018) disebabkan oleh topik yang berkaitan dengan "Pembelajaran Aktif" ini masih terhad dalam bidang PAKK. Selain itu, soal selidik ini terdiri daripada empat bahagian iaitu Bahagian A (Demografi Responden) yang meliputi jantina, bangsa, umur, pengalaman mengajar dan tahap pendidikan; Bahagian B (Skala Pengetahuan Guru) yang merangkumi 10 item; Bahagian C (Skala Amalan Guru) yang merangkumi 10 item dan Bahagian D (Skala Kekangan Guru) yang merangkumi 7 item. Skala Likert empat mata telah digunakan untuk menjawab konstruk "pengetahuan guru" dan "amalan guru" yang mewakili respons "Sangat Tidak Setuju" (STS), "Tidak Setuju" (TS), "Setuju" (S) dan "Sangat Setuju" (SS). Sebaliknya, soalan aneka pilihan atau dikenali sebagai 'Multiple Choice Questions' telah digunakan bagi pengukuran konstruk "kekangan guru".

4.4 Kajian Rintis

Sebelum menjalankan kajian rintis, borang soal selidik ini telah diedarkan kepada empat orang pakar rujuk yang berpengalaman 5 hingga 15 tahun dalam bidang PAKK untuk menentukan kesahan kandungan instrumen ini. Seterusnya, kajian rintis yang melibatkan 100 orang responden telah dilaksanakan di daerah Muar dan Segamat, Johor. Responden yang terlibat dalam kajian rintis ini juga tidak akan terlibat lagi dalam kajian sebenar. Seterusnya, kajian rintis ini dijalankan selama sebulan untuk menentukan kesahan konstruk dan kebolehpercayaan kajian ini. Tidak dapat menafikan bahawa instrumen kajian ini memperoleh kesahan konstruk

yang diterima kerana nilai factor loading bagi setiap item adalah lebih daripada >0.6 serta memperoleh tahap kebolehpercayaan yang agak tinggi. Sebagai contoh, nilai cronbach alpha (α) bagi konstruk “Pengetahuan Guru” adalah 0.814, diikuti dengan konstruk “Amalan Guru” yang memperoleh 0.859 dan “Kekangan Guru” yang memiliki 0.846.

4.5 Tatacara Pengumpulan dan Penganalisan Data

Selepas menentukan kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik melalui kajian rintis, pengkaji menjalankan kajian sebenar dengan mengedarkan pautan ‘Google Form’ ke kumpulan “Persatuan Guru Tadika Swasta Johor” melalui aplikasi *Whatapps* dan juga Telegram. Dalam soal selidik tersebut, ia juga mengandungi bahagian “Surat Kebenaran” yang mengemukakan tujuan kajian ini dan juga prasyarat untuk mengikut kajian ini. Bagi memastikan setiap responden hanya boleh mengisi borang ini sekali sahaja, pengkaji juga menggunakan semakan e-mel untuk menghadkan responden semasa mengisi borang ini.

Prosedur pengumpulan data bagi kajian sebenar ini telah mengambil masa selama dua bulan iaitu dari bulan Ogos hingga September 2023. Selepas mengumpul 297 set borang soal selidik, *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) telah digunakan untuk menganalisis data kajian dalam bentuk analisis deskriptif dan inferensi ini. Analisis deskriptif akan digunakan untuk menganalisis maklumat profil demografi, tahap pengetahuan dan tahap amalan guru dengan melaporkan kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai. Skala skor min bagi Skala Likert empat mata yang diadaptasi dari Alico & Guimba (2015) juga diguna pakai untuk menginterpretasikan tahap kesediaan guru prasekolah dalam penerapan pembelajaran aktif seperti yang disertakan dalam Jadual 1. Selain itu, ujian korelasi Pearson merupakan satu ujian statistik inferensi telah diaplikasikan untuk menentukan hubungan antara tahap pengetahuan dengan amalan guru prasekolah swasta terhadap pelaksanaan pembelajaran aktif.

Jadual 1: Interpretasi Skor Min: Skala Likert Empat Mata

Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.00 - 1.74	Rendah
1.75 - 2.49	Sederhana-Rendah
2.50 - 3.24	Sederhana-Tinggi
3.25 – 4.00	Tinggi

Sumber: Alico & Guimba (2015)

Seterusnya, statistik inferensi korelasi Pearson telah dijalankan untuk mengkaji tentang hubungan antara pengetahuan dengan amalan guru prasekolah terhadap penerapan pembelajaran aktif. Kekuatan nilai pekali korelasi (r) bagi ujian korelasi Pearson adalah seperti yang disertakan dalam Jadual 2.

Jadual 2: Kekuatan Nilai Pekali Korelasi (r)

Saiz Pekali Korelasi (r^2)	Kekuatan Korelasi
$r^2 = 0.2$ hingga 0.3	Lemah
$r^2 = 0.2$ hingga 0.5	Sederhana
$r^2 = 0.5$ hingga 1.0	Kuat

Sumber: Jacob Cohen (1988)

5. Dapatan Kajian

5.1 Profil Demografi Responden

Jadual 5: Profil Demografi Responden

BIL	Kategori	(N)	(%)	
1	Jantina:	Perempuan	285	96
		Lelaki	12	4
2	Umur:	18 tahun ke bawah	25	8.4
		18 hingga 24 tahun	133	44.8
		25 hingga 34 tahun	105	35.4
		35 hingga 44 tahun	26	8.8
		45 tahun ke atas	8	2.7
3	Bangsa:	Melayu	37	12.46
		Cina	245	82.49
		India	12	4.04
		Lain-Lain	3	0.01
4	Pengalaman mengajar:	Kurang daripada 5 tahun	219	73.7
		6 - 10 tahun	34	11.4
		11 - 15 tahun	21	7.1
		16 – 20 tahun	14	4.7
		21 tahun ke atas	9	3.0
5	Tahap Pendidikan	Sijil Pendidikan Malaysia (SPM)	50	16.8
		Diploma Pendidikan	52	17.5
		Ijazah Sarjana Muda Pendidikan	144	48.5
		Sarjana Pendidikan	22	7.4
		Lain-lain	29	9.8

Daripada hasil profil demografi responden ini, kajian ini melibatkan seramai 285 orang (96%) guru perempuan dan 12 orang (4%) guru lelaki yang berkhidmat di daerah Johor Bahru, Johor. Dari segi umur responden, didapati bahawa majoriti guru adalah berumur 18-24 tahun iaitu seramai 133 orang (44.8%), diikuti dengan guru berumur 25-34 tahun iaitu 105 orang (35.4), 35-44 tahun iaitu 26 orang (8.8%), guru berumur 18 tahun ke bawah iaitu sebanyak 25 orang (8.4%) dan golongan guru yang terendah iaitu seramai 8 orang (2.7%) bagi mereka yang berumur 45 tahun ke atas. Bagi demografi guru dari segi bangsa, ia melaporkan guru yang berbangsa Cina mendominasi kajian ini iaitu seramai 245 orang (82.49%) dan hanya terdapat 52 orang (17.51%) guru yang berbangsa lain seperti Melayu, India dan Bumiputera. Dari segi pengalaman mengajar, ia jelas menunjukkan seramai 219 orang (73.7%) guru prasekolah berpengalaman lebih kurang daripada 5 tahun, 34 orang (11.4%) guru berpengalaman di antara 6-10 tahun dan terdapat 21 orang (7.1%) guru berpengalaman 11-15 tahun. Manakala, pengkaji mendapati hanya seramai 14 orang (4.7%) guru yang berpengalaman dalam 16-20 tahun diikuti dengan 9 orang (3%) guru berpengalaman 21 tahun ke atas. Bagi tahap pendidikan pula telah melaporkan majoriti guru prasekolah memiliki kelayakan dalam bidang PAKK ini. Ini dapat dilihat seramai 144 orang (48.5%) guru memiliki ijazah sarjana muda, 52 orang (17.5%) guru memiliki ijazah diploma dan 22 orang (7.4%) guru memiliki ijazah sarjana. Terdapat juga guru

prasekolah yang tidak memiliki kelayakan bidang PAKK ini iaitu sejumlah 79 orang (26.6%) guru yang hanya memiliki sijil SPM dan sijil yang lain-lain.

5.2 Tahap Pengetahuan Guru Prasekolah terhadap Pelaksanaan Pembelajaran Aktif

Jadual 6: Tahap Pengetahuan Guru Prasekolah terhadap Pelaksanaan Pembelajaran Aktif

Kod	Konstruk	STS	TS	S	SS
B1	Saya mengetahui peranan guru dalam pelaksanaan pembelajaran aktif.	1 (.3%)	15 (5.1%)	136 (45.8%)	145 (48.8%)
B2	Saya mengetahui peranan kanak-kanak dalam aktiviti pembelajaran aktif.	1 (3%)	11 (3.7%)	142 (47.8%)	143 (48.1%)
B3	Saya mengetahui kepentingan perancangan aktiviti pembelajaran aktif berdasarkan kesesuaian individu, umur dan sosial budaya kanak-kanak.	2 (0.7%)	10 (3.4%)	127 (42.8%)	158 (53.2%)
B4	Saya mengetahui penggunaan pelbagai strategi untuk menjalankan aktiviti pembelajaran aktif.	3 (1%)	18 (6.1%)	149 (50.2%)	127 (42.8%)
B5	Saya mengetahui cara-cara untuk mengaplikasikan pembelajaran aktif.	-- (0%)	21 (7.1%)	114 (38.4%)	162 (54.5%)
B6	Saya mengetahui pembelajaran aktif yang berkesan ini dapat menggalakkan penglibatan kanak-kanak dalam proses pembelajaran dengan secara aktif.	1 (0.3%)	14 (4.7%)	133 (44.8%)	149 (50.2%)
B7	Saya mengetahui mengetahui cara untuk mengembangkan potensi kanak-kanak.	1 (0.3%)	17 (5.7%)	119 (40.1%)	160 (53.9%)
B8	Saya mengetahui keperluan persekitaran pembelajaran aktif termasuklah dengan persekitaran di dalam dan di luar bilik darjah.	1 (0.3%)	19 (6.4%)	128 (43.1%)	149 (50.2%)
B9	Saya mengetahui cara untuk menilai perkembangan kanak-kanak dalam aktiviti pembelajaran aktif.	2 (0.7%)	12 (4.0%)	155 (52.2%)	128 (43.1%)
B10	Saya mempunyai pengetahuan yang mencukupi untuk memperkembangkan holistik kanak-kanak melalui pendekatan pembelajaran aktif	3 (1%)	21 (7.1%)	130 (43.8%)	143 (48.1%)

n =297 (STS- Sangat Tidak Setuju, TS- Tidak Setuju, S- Setuju, SS- Sangat Setuju)

Jadual 6 ini telah menunjukkan setiap item dalam skala pengetahuan terhadap pelaksanaan pembelajaran aktif dalam kalangan guru prasekolah swasta adalah berada pada tahap yang sederhana-tinggi. Item B3 telah mendapati nilai min skor yang paling tinggi. Ini bererti majoriti guru prasekolah iaitu seramai 285 orang (96%) menyatakan bahawa mereka berpengetahuan dengan “*kepentingan perancangan aktiviti pembelajaran aktif berdasarkan kesesuaian individu, umur dan sosial budaya kanak-kanak*”. Begitu juga, lebih daripada 90% guru prasekolah menyatakan mereka “*mengetahui cara-cara untuk mengaplikasikan pembelajaran aktif.*” dalam item B5 dan mereka “*mengetahui cara untuk mengembangkan potensi kanak-kanak*” dalam item B7. Diikuti dengan item B1 dan B2 yang melaporkan seramai 280 orang guru prasekolah sekolah mengetahui peranan guru dan kanak-kanak dalam aktiviti pembelajaran aktif. Manakala, item B4 telah menunjukkan nilai min skor yang paling rendah. Ini dapat dilihat terdapat 21 orang (7.1%) guru prasekolah tidak mengetahui penggunaan strategi pembelajaran aktif dalam proses PdP. Bukan itu sahaja, hasil kajian ini melaporkan item B9 memperoleh nilai min skor kedua rendah iaitu seramai 14 orang (4.7%) guru prasekolah menyatakan bahawa mereka tidak mengetahui bahawa instrumen pentaksiran bagi aktiviti pembelajaran aktif. Berdasarkan Jadual 6, dapat disimpulkan bahawa tahap pengetahuan guru prasekolah di Tadika Swasta hanya berada pada tahap sederhana-tinggi (nilai purata min = 3.16 , SP = 0.62).

5.3 Tahap Amalan Guru Prasekolah terhadap Pelaksanaan Pembelajaran Aktif

Jadual 7: Tahap Amalan Guru Prasekolah terhadap Pelaksanaan Pembelajaran Aktif

Kod	Konstruk	STS	TS	S	SS
C1	Saya menggunakan pendekatan pembelajaran aktif sebagai gaya pengajaran.	6 (2%)	18 (6.1%)	160 (53.9%)	113 (38.0%)
C2	Saya menggunakan pelbagai kaedah dan teknik pembelajaran aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran	8 (2.7%)	17 (5.7%)	112 (53.9%)	158 (37.7%)
C3	Saya mempunyai alat bantu mengajar yang mencukupi untuk merancang dan melaksanakan aktiviti pembelajaran aktif.	3 (1%)	27 (9.1%)	151 (50.8%)	116 (39.1%)
C4	Saya melibatkan kanak-kanak secara aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran	4 (1.3%)	15 (5.1%)	154 (51.9%)	124 (41.8%)
C5	Saya memberi peluang yang luas kepada kanak-kanak untuk mengambil bahagian secara aktif melalui aktiviti pembelajaran aktif.	6 (2.0%)	17 (5.7%)	137 (46.1%)	137 (46.1%)
C6	Saya menyediakan bahan bantu mengajar bagi aktiviti pembelajaran aktif secara inisiatif.	5 (1.7%)	22 (7.4%)	145 (48.8%)	125 (42.1%)
C7	Saya melibatkan ibu bapa dan komuniti dalam perancangan aktiviti pembelajaran aktif.	10 (3.4%)	43 (14.5%)	131 (44.1%)	113 (38.0%)
C8	Saya sering menerima latihan yang dapat membantu saya dalam melaksanakan aktiviti pembelajaran aktif dengan berkesan.	6 (2%)	34 (11.4%)	150 (50.5%)	107 (36%)
C9	Saya melaksanakan aktiviti pembelajaran aktif di dalam dan di luar bilik darjah.	5 (1.7%)	22 (7.4%)	147 (49.5%)	123 (41.4%)
C10	Saya mempunyai tahap kesediaan yang tinggi terhadap pengintegrasian alat teknologi yang sesuai dalam aktiviti pembelajaran aktif.	2 (0.7%)	28 (9.4%)	170 (57.2%)	97 (32.7%)

n=297 (STS- Sangat Tidak Setuju, TS- Tidak Setuju, S- Setuju, SS- Sangat Setuju)

Berdasarkan Jadual 7, setiap item dalam skala amalan guru prasekolah swasta terhadap pelaksanaan pembelajaran aktif adalah berada pada tahap sederhana-tinggi sahaja. Item C5 telah memperoleh nilai min skor yang paling tinggi, diikuti dengan item C4 yang memperoleh kedua tinggi. Kedua-dua item ini memberikan maksud walaupun tahap amalan guru tidak berada pada tahap tinggi, majoriti guru prasekolah sering memberi peluang yang luas kepada mereka mengambil bahagian secara aktif dalam aktiviti pembelajaran aktif. Seterusnya, lebih daripada 90% iaitu 270 orang guru bersetuju dengan item C6 “*Saya menyediakan bahan bantu mengajar bagi aktiviti pembelajaran aktif secara inisiatif*” dan item C9 “*Saya melaksanakan aktiviti pembelajaran aktif di dalam dan di luar bilik darjah*”. Sebaliknya, item C7 telah melaporkan nilai min skor yang paling rendah. iaitu seramai 53 orang (17.0%) guru tidak bersetuju dengan item “*Saya melibatkan ibu bapa dan komuniti dalam perancangan aktiviti pembelajaran aktif*”. Begitu juga, item C8 telah memperoleh nilai min skor yang kedua rendah kerana lebih daripada 30 orang guru menyatakan mereka tidak sering menerima latihan berkenaan perancangan aktiviti pembelajaran aktif. Secara keseluruhannya, tahap amalan guru prasekolah swasta hanya berada pada tahap sederhana-tinggi (purata min = 3.19, S.P = 0.69) seperti yang disertakan dalam Jadual 8.

Jadual 8: Interpretasi Skor Min bagi Tahap Pengetahuan dan Amalan Guru Prasekolah

No	Konstruk	Purata Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
1	Tahap Pengetahuan Guru	3.16	0.62	Sederhana-Tinggi
2	Tahap Amalan Guru	3.19	0.69	Sederhana-Tinggi

5.3 Kekangan Guru Prasekolah terhadap Pelaksanaan Pembelajaran Aktif

Jadual 9: Kekangan yang Dihadapi oleh Guru Prasekolah terhadap Pelaksanaan Pembelajaran Aktif

Kod	Konstruk	f	%	Pangkat
D1	Peruntukan masa yang terhad	206	16.9	2
D2	Alat bantu mengajar dan kemudahan yang tidak mencukupi	154	12.6	5
D3	Nisbah kanak-kanak dan guru yang terlalu tinggi	119	9.8	7
D4	Kawasan dan ruang yang tidak mencukupi	126	10.3	6
D5	Guru yang tidak berkelayakan dalam bidang PAKK	165	13.5	4
D6	Tahap sokongan pengusaha yang rendah dari segi kewangan	254	20.9	1
D7	Tahap sokongan ibu bapa yang rendah	194	15.9	3

Jadual 9 telah menunjukkan hasil kajian yang berkaitan dengan tujuh jenis kekangan yang sering dihadapi oleh guru semasa melaksanakan pembelajaran aktif di sesebuah Tadika Swasta. Hasil dapatan menunjukkan item D6 "*Tahap sokongan pengusaha/ pentadbir yang rendah dari segi kewangan*" merupakan kekangan utama dihadapi oleh guru dalam pelaksanaan aktiviti pembelajaran aktif iaitu seramai 254 orang (20.9%) daripada 297 orang guru prasekolah bersetuju dengan item ini. Begitu juga, seramai 206 orang (16.9%) guru prasekolah swasta menyatakan mereka sering berhadapan dengan item D1 "*Peruntukan masa yang terhad*". Ketiga-tiga kekangan yang seterusnya adalah item D7, D5 dan D2 yang menunjukkan lebih daripada 150 orang guru prasekolah menyatakan bahawa mereka berhadapan dengan kekangan seperti tahap sokongan ibu bapa yang rendah (15.9%), bahan bantu mengajar (BBM) dan kemudahan yang terhad (12.6%) serta dengan guru yang tidak berkelayakan (13.5%). Sebaliknya, majoriti guru prasekolah menyatakan bahawa mereka tidak sering menghadapi masalah dalam kawalan kelas iaitu item D3 dan ruang yang tidak mencukupi iaitu dalam item D4 semasa melaksanakan aktiviti pembelajaran aktif dalam proses PdP. Secara keseluruhannya, kekangan utama bagi guru prasekolah terhadap pelaksanaan pembelajaran aktif adalah tahap sokongan kewangan yang terhad oleh pentadbir di sesebuah Tadika Swasta.

5.4 Hubungan antara Pengetahuan dengan Amalan Guru Prasekolah Swasta terhadap Pelaksanaan Pembelajaran Aktif

Jadual 10: Hubungan antara Pengetahuan dengan Amalan Guru Prasekolah Swasta terhadap Pelaksanaan Pembelajaran Aktif

Konstruk	Korelasi	Tahap Pengetahuan Guru	Tahap Amalan Guru
Tahap Pengetahuan Guru	Korelasi Pearson (r)	1	0.720**
	Sig. (2-hujung)		.000
	N	297	297

** Korelasi signifikan pada aras $p < 0.001$ (2-hujung)

Pengkaji menggunakan ujian korelasi Pearson untuk menentukan sama ada terdapat hubungan antara tahap pengetahuan (IV) dengan amalan (DV) guru terhadap pelaksanaan pembelajaran

aktif. Sebelum menjalankan ujian korelasi Pearson, ujian prasyarat telah dilaksanakan untuk menguji normaliti, lineariti dan homoscedasticity data. Berdasarkan Jadual 8, hasil kajian ini melaporkan H_0 bagi ujian ini telah ditolak ($p < 0.001$). Ini bererti terdapat hubungan antara tahap pengetahuan guru dengan amalan mereka terhadap pelaksanaan pembelajaran aktif, $r(295) = 0.720$, $P < 0.001$. Seterusnya merujuk kepada kesan saiz yang dikemukakan oleh Cohen (1988), ia jelas menunjukkan nilai kesan saiz bagi ujian Pearson melaporkan hubungan ini adalah berada pada tahap yang kuat dengan nilai pekali (r^2) = 0.52. Justeru, dapat disimpulkan bahawa terdapat hubungan yang kuat, positif dan signifikan antara tahap pengetahuan dengan amalan guru terhadap penerapan pembelajaran aktif.

6. Perbincangan Dapatan dan Implikasi Kajian

Bahagian ini akan membuat perbincangan dapatan kajian secara terperinci berdasarkan tiga objektif kajian yang ditetapkan: (i) tahap kesediaan guru, (ii) kekangan yang dihadapi oleh guru serta (iii) hubungan antara tahap pengetahuan dengan amalan guru terhadap pelaksanaan pembelajaran aktif di tadika swasta. Bagi pengetahuan anda, pengetahuan, amalan dan cabaran guru prasekolah yang berkaitan dengan topik pembelajaran aktif ini masih terhad dilaksanakan di Malaysia.

6.1 Perbincangan Dapatan Kajian

Dalam konteks kajian ini, pengkaji ingin mengenal pasti tahap pengetahuan dan amalan guru prasekolah swasta terhadap pelaksanaan pembelajaran aktif di sesebuah tadika swasta. Berdasarkan hasil kajian ini, tahap pengetahuan guru prasekolah hanya berada pada tahap yang sederhana-tinggi. Hasil kajian ini adalah selari dengan kajian tempatan yang membuktikan kebanyakan guru prasekolah swasta yang tidak berpengetahuan tinggi masih menggunakan kaedah tradisional dalam sesi PdP (Layang & Mahamod, 2019). Kenyataan ini telah menyumbang kepada kajian ini yang mendapati seramai 219 orang (73.7%) guru prasekolah dalam kajian ini hanya berpengalaman lebih kurang daripada 5 tahun. Ini dapat dijelaskan dalam item B4 yang melaporkan nilai min skor yang paling rendah iaitu kebanyakan mereka tidak berpengetahuan tinggi dalam pengaplikasian pelbagai strategi pembelajaran aktif. Begitu juga, Leng et al. (2021) menyatakan majoriti guru yang tidak berpengetahuan ini tidak mahir dalam penilaian tahap perkembangan kanak-kanak. Kenyataan ini telah menyokong dapatan kajian ini yang menunjukkan majoriti guru prasekolah bersetuju dengan mereka tidak mengetahui penggunaan instrumen pentaksiran dalam aktiviti pembelajaran aktif.

Seterusnya, dapatan kajian menunjukkan guru hanya mempunyai tahap yang sederhana-tinggi dari aspek amalan terhadap pelaksanaan pembelajaran aktif. Hasil ini tidak selari dengan kajian Stein et al. (2019), guru prasekolah di Estonia mempunyai tahap kesediaan yang tinggi dalam pengamalan aktiviti pembelajaran aktif yang dapat melibatkan kanak-kanak secara aktif dalam proses PdP. Begitu juga, ia bertentangan dengan kajian tempatan oleh Low (2022), tahap amalan guru hanya berada pada tahap yang rendah. Satu kajian yang bertepatan dengan hasil kajian ini menunjukkan guru yang tidak mengamalkan pendekatan pembelajaran aktif berkemungkinan disebabkan oleh tahap sokongan ibu bapa yang rendah dan lebih mengambil berat dengan pencapaian akademik kanak-kanak melalui pembelajaran tradisional (Layang & Mahamod, 2019). Kenyataan ini telah menyokong hasil kajian ini yang mendapati bahawa majoriti guru menyatakan bahawa sering memberi peluang yang luas bagi kanak-kanak mengambil bahagian secara aktif, namun jarang melibatkan ibu bapa dan komuniti setempat dalam perancangan aktiviti pembelajaran aktif.

Selain itu, hasil kajian melaporkan tahap sokongan kewangan yang rendah oleh pengusaha merupakan kekangan utama yang dihadapi oleh guru prasekolah swasta. Hasil kajian ini menyokong kajian Rusdin (2019) dan Leng et al. (2021) yang mendapati bahawa kebanyakan pentadbir prasekolah tidak memberi sokongan kewangan yang mencukupi bagi guru yang ingin menggunakan inisiatif dan inovasi diri dalam penyediaan BBM. Justeru, mereka tidak berminat untuk mengamalkan aktiviti pembelajaran aktif kerana dana yang tidak mencukupi menyebabkan guru haruslah banyak bersedekah (Mićanović & Novovic, 2018; Leng et al., 2021). Sementara itu, majoriti guru prasekolah juga berhadapan dengan peruntukan masa yang terhad bagi pengintegrasian aktiviti pembelajaran aktif dalam sesi PdP. Dapatan kajian ini telah disokong oleh hasil temu bual yang menunjukkan kebanyakan guru berpendapat bahawa aktiviti pembelajaran aktif hanya berfokus kepada aktiviti bebas yang perlu memerlukan masa yang panjang bagi melibatkan inisiatif kanak-kanak (Layang & Mahamod, 2019; Li & Li, 2019). Pada hakikatnya, penggunaan strategi pembelajaran aktif yang tepat bukan sahaja dapat menjimatkan masa serta dapat membantu kanak-kanak mencapai hasil pembelajaran yang ditetapkan.

Di samping itu, dapatan korelasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan yang positif dan signifikan antara tahap pengetahuan dengan amalan guru prasekolah terhadap pelaksanaan pembelajaran aktif yang berada pada tahap sederhana-tinggi. Hasil kajian ini selari dengan kajian tempatan yang membuktikan guru prasekolah di Selangor tidak berpengetahuan tinggi menyebabkan mereka menimbulkan perasaan kegagalan serta mengekalkan corak pengajaran tradisional dalam sesi PdP (Hata & Mahmud, 2020; Leng et al., 2021). Ini dapat dilihat dalam item-item yang mendapat nilai min skor yang rendah iaitu mereka tidak mengetahui bahawa penggunaan kepelbagaian strategi dan instrumen pentaksiran dalam perancangan aktiviti disebabkan oleh mereka yang tidak sering menerima latihan formal atau informal terhadap pembelajaran aktif. Begitu juga, kenyataan ini menyumbang kepada kajian tempatan yang menunjukkan bahawa guru yang tidak berpengetahuan tinggi ini hanya memperoleh perasaan ingin tahu yang rendah dalam pengamalan aktiviti pembelajaran yang dapat memperkembangkan kanak-kanak secara holistik (Layang & Mahamod, 2019; Hata & Mahmud, 2020).

6.2 Implikasi Kajian

Bagi meningkatkan tahap pengetahuan dan amalan guru prasekolah swasta serta menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh mereka terhadap pelaksanaan pembelajaran aktif, terdapat beberapa implikasi kajian telah dikemukakan kepada pihak-pihak yang berkepentingan dalam bidang PAKK. Implikasi pertama adalah pihak KPM dapat memahami kepentingan mengemukakan modul yang lebih terperinci berkenaan pembelajaran aktif dalam KSPK agar guru prasekolah boleh menggunakannya sebagai garis panduan. Implikasi kedua adalah Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPNJ) haruslah menganjurkan kepelbagaian bengkel, seminar dan kursus yang berkaitan dengan cara pengamalan pendekatan ini bagi guru prasekolah yang kurang berkelayakan dan tidak berpengalaman dalam bidang PAKK ini. Implikasi ketiga adalah pihak pentadbir dapat mengenal pasti kekangan-kekangan yang dihadapi oleh guru serta menggembeleng bahu bersama-sama dalam pengatassannya. Contohnya, pihak pentadbir boleh menganjurkan proses perkongsian ilmu mengenai kepentingan pendekatan pembelajaran aktif kepada pihak ibu bapa dan mengetahui tuntutan guru dengan memberi tahap sokongan kewangan yang lebih tinggi.

7. Cadangan Kajian Lanjutan

Kajian tentang tahap kesediaan dan kekangan guru terhadap pelaksanaan pembelajaran aktif ini masih ada beberapa batasan yang boleh memberi pengaruh kepada hasil dapatan kajian. Justeru, terdapat empat cadangan telah dikemukakan bagi kajian lanjutan. Pertama, kajian ini hanya terbatas kepada guru prasekolah swasta di daerah Johor Bahru, Johor sahaja. Bagi mengenal pasti tahap kesediaan dan cabaran yang dihadapi oleh guru prasekolah swasta dengan lebih terperinci, dicadangkan agar topik kajian ini boleh dilaksanakan di seluruh negeri Johor atau di negeri-negeri lain. Kedua, fokus kajian ini adalah mengenal pasti tahap pengetahuan dan amalan guru prasekolah sahaja. Maka, dicadangkan agar kajian lanjutan boleh melibatkan mengenal pasti tahap kesediaan guru prasekolah dari segi pengetahuan, sikap, amalan dan kemahiran untuk mendapatkan maklumat yang lebih menyeluruh. Ketiga, kajian lanjutan yang dicadangkan adalah mengkaji dengan lebih mendalam dengan menentukan perbezaan antara tahap kesediaan guru berdasarkan ciri-ciri demografi mereka. Hal ini demikian kerana pengkaji hanya boleh membuat andaian terhadap hasil dapatan yang tidak dijangka adalah berpandukan ciri-ciri demografi responden. Kajian lanjutan ini boleh memberikan gambaran yang lebih jelas terhadap hasil kajian ini sama ada dipengaruhi oleh tahap pendidikan dan pengalaman mengajar mereka atau tidak. Keempat, reka bentuk kajian ini hanya terbatas kepada kajian kuantitatif. Topik kajian yang sangat terhad ini boleh dilaksanakan melalui reka bentuk gabungan atau kualitatif yang menggunakan kaedah temu bual dan pemerhatian bagi meneroka cabaran yang dihadapi oleh guru secara mendalam.

8. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini membuktikan tahap pengetahuan dan amalan guru prasekolah swasta di Johor Bahru hanya berada pada tahap yang sederhana-tinggi. Hasil ini memberikan gambaran yang jelas bahawa pendekatan pembelajaran aktif yang berkesan ini masih belum dijalankan secara lancar dan luas dalam sesi PdP oleh seseorang guru prasekolah swasta. Begitu juga, kajian ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara tahap pengetahuan dengan amalan guru prasekolah. Tidak dapat menafikan bahawa tahap pengetahuan dan amalan guru prasekolah swasta terhadap pelaksanaan pembelajaran aktif adalah sering saling berkaitan. Justeru, kesedaran guru terhadap kepentingan menguasai pengetahuan berkenaan pembelajaran aktif serta mengamalkannya adalah penting agar membantu kanak-kanak memperkembangkan secara keseluruhan dan mencapai tahap yang optimum. Sementara itu, dapat dilihat corak pengajaran guru masih tidak diubahsuai atau masih dikekalkan dengan kaedah tradisional adalah bergantung kepada pentadbir yang tidak memikul tanggungjawab mereka. Sebagai contoh, mereka tidak memberikan tahap sokongan kewangan yang mencukupi, tidak memberikan peluang bagi guru prasekolah menerima latihan berkenaan pendekatan pembelajaran aktif ini dan tidak memberikan pendedahan yang jelas kepada ibu bapa terhadap kepentingan pendekatan ini bagi pencapaian akademik anak-anak mereka. Selain daripada pihak pentadbir, beberapa pihak berkecuali seperti KPM, Jabatan Pendidikan Negeri Johor dan komuniti tempatan juga berperanan penting untuk meningkatkan kesediaan guru dalam penerapan pembelajaran aktif ini bagi mentransformasikan corak pengajaran dan pendidikan ke arah yang berkualiti dalam kalangan guru prasekolah swasta.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Dr. Suziyani Mohamed yang telah memberikan cadangan dan tunjuk ajar sepanjang proses penyelidikan ini.

Rujukan

- Abd Aziz, Z. A., & Mohamed, S. (2021). Persepsi guru prasekolah terhadap kualiti pengajaran pendidikan awal kanak-kanak. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1), 572-580.
- Ab Jalil, N. A., & Amran, M. S. (2023). Tahap Pengetahuan dan Amalan Kemahiran Fungsi Eksekutif Guru Prasekolah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(5), e002334-e002334.
- Bael, B. T., Nachiappan, S., & Pungut, M. (2021). Analisis kesediaan guru dalam pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pembelajaran, pengajaran dan pemudahcaraan abad ke 21. *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities*, 100-119.
- Belda-Medina, J., & Calvo-Ferrer, J. R. (2022). Preservice teachers' knowledge and attitudes toward digital-game-based language learning. *Education Sciences*, 12(3): 182.
- Cohen, J. (1988). *Statistical Power Analysis for the Behavioral Sciences*, 2nd Edn. New York, NY: Academic Press.
- Fatul, N. W., & Alias, A. (2020). Pengetahuan guru prasekolah mengenai ciri-ciri murid masalah pembelajaran. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs (JQSS)*. 4(2), 45-53.
- Hasanah, U. (2018). Strategi pembelajaran aktif untuk anak usia dini. *INSANIA: Jurnal Pemikiran Alternatif Kependidikan*, 23(2), 204-222.
- Hamidin, N. M., Md Isa, S. N., Rahman, A. A., & Hamdi, I. (2017). Pendidikan Awal Kanak-Kanak (Pakk) Di Malaysia: Kajian Literatur. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan*, 1.
- Hata, N. F. M., & Mahmud, S. N. D. 2020. Kesediaan guru Sains dan Matematik dalam melaksanakan pendidikan STEM dari aspek pengetahuan, sikap dan pengalaman mengajar. *Akademika*, 90(S3).
- Holis, A. (2017). Belajar melalui bermain untuk pengembangan kreativitas dan kognitif anak usia dini. *Jurnal Pendidikan UNIGA*, 10(1), 23-37.
- Hu, B. Y., Fan, X., Yang, Y., & Neitzel, J. (2017). Chinese preschool teachers' knowledge and practice of teacher-child interactions: The mediating role of teachers' beliefs about children. *Teaching and Teacher Education*, 63, 137-147.
- Hua, A. K. (2016). Pengenalan rangka kerja metodologi dalam kajian penyelidikan: Satu kajian komprehensif. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 1(4), 42-52.
- KARLIDAĞ, İ. Ö. (2022). Pre-school Teachers' Opinion on Active Learning. *Bartın University Journal of Faculty of Education*, 11(1), 235-247.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) Semakan 2017*. Kuala Lumpur: Bahagian Perkembangan Kurikulum.
- Krejcie, R.V. & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30: 607-610.
- Kumar, S. A. C., & Mohamed, S. (2022). Preschool Teachers' Knowledge, Understanding and Practice towards Higher Order Thinking Skills. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 11(2), 128-139.
- Layang, F. A., & Mahamod, Z. (2019). Tahap Pengetahuan, kesediaan dan sikap guru Bahasa Melayu sekolah rendah dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran peta pemikiran i-Think. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 44(1), 37-44.
- Leng, A. P. W., Hui-Shen, C. L., Dhamotharan, M., & Mustafa, M. C. (2021). Preschool teachers' beliefs and classroom practices of child-centred learning at private preschools in central region, Malaysia. *Southeast Asia Early Childhood Journal*, 10(2), 69-83.

- Li, Z., & Li, L. (2019). An examination of kindergarten teachers' beliefs about creative pedagogy and their perceived implementation in teaching practices. *Thinking Skills and Creativity*, 32: 17-29.
- Low, H. M. (2022). A case study of Malaysian teachers' practice of play-based learning in preschool. *Kajian Malaysia*, 40(1), 19-254.
- Maidin, R. (2022). Pendekatan Pembelajaran Aktif Kanak-Kanak Melalui Model HighScope Dalam Pendidikan Awal Kanak-Kanak. *International Journal of Education, Islamic Studies and Social Sciences Research (IJEISR)*, 7(1), 1-7.
- Masgumelar, N. K., & Mustafa, P. S. (2021). Teori belajar konstruktivisme dan implikasinya dalam pendidikan. *GHAITSA: Islamic Education Journal*, 2(1), 49-57.
- Mićanović, V., & Novovic, T. (2018). Teaching Strategies in the Preschool System of Montenegro. *Sensos-e*, 5(2), 18-32.
- Mokhlis, S. (2021). Persepsi dan Pelaksanaan Pendekatan Pengajaran Terbeza Dalam Kalangan Guru Prasekolah. *Borneo International Journal*, 4(3), 9-18.
- Mulatu, M., & Bezabih, W. (2018). Perceptions and practices of EFL teachers in implementing active learning in English classes: the case of three selected secondary schools in Dawro zone, SNNPRS, Ethiopia. *International Journal of Education*, 10(2), 88-94.
- Pardjono, P. (2016). Active learning: The Dewey, Piaget, Vygotsky, and constructivist theory perspectives. *Jurnal Ilmu Pendidikan Universitas Negeri Malang*, 9(3), 105376.
- Resiani, A., Risyak, B., & Surahman, M. (2015). Persepsi guru PAUD dalam merancang media pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Anak*, 1(6).
- Rusdin, N. M., & Ali, S. R. (2019). Amalan dan cabaran pelaksanaan pembelajaran abad ke-21. In *International Conference on Islamic Civilization and Technology Management*, 87-105.
- Sakellariou, M., & Banou, M. (2020). Planning and evaluating the educational process of play within Greek preschool learning environments-A comparative study on present and future educators. *European Journal of Social Sciences Studies*, 4(6), 2501-8590.
- Stein, K., Veisson, M., Õun, T., & Tammemäe, T. (2019). Estonian preschool teachers' views on supporting children's school readiness. *Education 3-13*, 47(8), 920-932.
- Towpek, S., & Mohamed, S. (2023). Tahap Pengetahuan Guru dalam Pelaksanaan Pendidikan Inklusif di Kelas TABIKA KEMAS. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 5(3), 33-44.
- Vale, I., & Barbosa, A. (2023). Active learning strategies for an effective mathematics teaching and learning. *European Journal of Science and Mathematics Education*, 11(3), 573-588.
- Williams, M. K. (2017). John Dewey in the 21st century. *Journal of Inquiry and Action in Education*, 9(1), 7.
- Zin, D. M. M., Mohamed, S., Kashim, M. I. A. M., Jamsari, E. A., Kamaruzaman, A. F., & Rahman, Z. A. (2019). Teachers' knowledge and practice in implementing the thematic approach in pre-school. *International Journal of Civil Engineering and Technology*, 10 (1), 1870-1881.